HUP SOON OMNIBUS CO SDN BHD

lwn.

MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
AZMEL MAAMOR H
[SAMAN PEMULA NO: R1-24-89-1993]
29 JUN 1996

UNDANG-UNDANG BURUH: *Mahkamah Perusahaan - Award - Perlaksanaan - Tindakan untuk melevi perlaksanaan award dibuat sepuluh tahun selepas pemberian award - Sama ada terhalang oleh had masa - Akta Had Masa 1953, s. 6(1)(c)*

Ini adalah permohonan untuk deklarasi bahawa defendan-defendan ke 3 hingga ke 57 di sini tidak boleh menguatkuasakan award yang diberikan oleh Mahkamah Perusahaan, atas alasan bahawa tindakan untuk melevi award tersebut dibuat di luar had masa. Fakta menunjukkan bahawa award berkenaan telah dibuat pada 13 Januari 1983, tetapi ianya hanya didaftar di Mahkamah Tinggi untuk tujuan melevi perlaksanaan sepuluh tahun kemudian, iaitu pada tahun 1993. Persoalan yang timbul ialah sama ada perlaksanaan award tersebut telah terhalang oleh peruntukan Akta Had Masa 1953.

Diputuskan:

[1] Seksyen 6(1)(c) Akta Had Masa 1953 menetapkan sesuatu award cuma boleh dikuatkuasa dalam tempoh enam tahun sahaja daripada tarikh kausa tindakan bermula. Dalam kes ini, oleh kerana defendan hanya mendaftarkan award tersebut untuk tujuan melevi perlaksanaan pada tahun 1993, tindakan perlaksanaan tersebut jelas dihalang oleh had masa. (ms 483 d)

[2] Dalam halkeadaan kes, defendan-defendan harus terlebih dahulu memohon kepada mahkamah untuk suatu lanjutan masa untuk melevi perlaksanaan award tersebut. Malangnya ini tidak dibuat oleh mereka. (ms 483 e-f)

[Permohonan dibenarkan.]

Perundangan yang dirujuk:
Limitation Act 1953, s. 6(1)(c)

Bagi pihak plaintif - P Kuppusamy; T/n P Kuppusamy & Co
Bagi pihak defendan no 3-no 57 - Kerpal Singh; T/n U Harcharan & Kerpal

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Azmel Maamor H:

Defendan no 3 hingga no 57 telah mendaftarkan award Mahkamah Perusahaan no 8 tahun 1983 dengan Mahkamah Tinggi bagi melevi perlaksanaan. Berdasarkan itu, plaintif melalui saman pemula terpinda (kandungan 13) memohon kepada mahkamah untuk suatu deklarasi bahawa, defendan tidak boleh menguatkuasakan award tersebut. Selain itu, plaintif juga memohon agar suatu perintah injunksi dikeluarkan bagi menahan defendan daripada melevi perlaksanaan award tersebut.

Saya telah pada 5 Oktober 1995 lalu meluluskan permohonan plaintif tersebut. Alasan saya untuk membuat keputusan tersebut adalah seperti berikut. Award no 8 Tahun 1993 tersebut telah dibuat oleh Mahkamah Perusahaan pada 13 Januari 1983. Seksyen 6(1)(c) Akta Had Masa 1953 menetapkan sesuatu award tersebut cuma hanya boleh dikuatkuasakan dalam tempoh enam (6) tahun sahaja daripada tarikh kausa tindakan bermula. Berdasarkan itu, memandangkan dalam kes sekarang defendan no 3 hingga no 57 cuma mendaftarkan award no 8 tahun 1983 tersebut dengan Mahkamah Tinggi untuk tujuan melevi perlaksanaan pada tahun 1993, maka adalah jelas bahawa tindakan perlaksanaan tersebut adalah dihalang atas sebab had masa oleh kerana tindakan perlaksanaan itu dibuat lebih dari masa enam (6) tahun. Di dalam keadaan yang tersebut di atas apa yang perlu dilakukan oleh defendan no 3 hingga no 57 ialah memohon kepada mahkamah untuk satu lanjutan masa untuk melevikan perlaksanaan award tersebut. Akan tetapi permohonan itu tidak dibuat. Oleh yang demikian mahkamah tidak boleh memberi apa-apa pertimbangan mengapa perlaksanaan itu dibuat di luar jangka masa yang ditetapkan. Hujahan defendan yang mengatakan pihak plaintif sengaja melengah-lengahkan perlaksanaan mungkin relevan mengenai permohonan defendan bagi permohonan untuk lanjutan masa. Tetapi hujahan itu tidak menjadi relevan mengenai permohonan plaintif sekarang.

Berdasarkan kepada sebab-sebab sebagaimana dinyatakan di atas permohonan plaintif tersebut diluluskan dengan kos.